

PACIFIC INSURANCE

A member of the Fairfax Group



PACIFIC PERSONAL CYBER INSURANCE

The benefit(s) payable under eligible certificate/policy/product is(are) protected by PIDM up to limits. Please refer to PIDM's TIPS Brochure or contact The Pacific Insurance Berhad or PIDM (visit www.pidm.gov.my).

www.pacificinsurance.com.my

The Pacific Personal Cyber Insurance (PCI) Policy is designed to cover You for financial or material losses arising directly from any unexpected **cyber threats or events**.

The policy provides cover for the following insured events and the coverage is on worldwide basis.

Insured Events <i>(for which you are covered)</i>	Limit of Cover <i>(RM)</i>
1.1 Electronic Fund Transfer Fraud Reimburse you for your financial loss arising directly from a cyber event, which you first discovered during the policy period.	2,500
1.2 Online Retail Fraud Reimburse you for your financial loss arising directly from an online marketplace fraud and, consequently, non-delivery, which you first discovered during the policy period.	1,000
1.3 Identity Theft Reimburse you for identity theft expenses arising directly from an identity theft, which you first discovered during the policy period.	500
1.4 Cyber Bullying Reimburse you for your cyber bullying expenses arising directly from cyber bullying that is first made against you in your personal capacity, during the policy period.	3,000
1.5 e-Commerce Purchase Protection Reimburse you for your material loss arising directly from non-delivery, accidental damage or theft of the product you purchased online during the policy period.	1,000

Some basic coverage information that You should be aware:

- 1 Duration of cover is for **one year**. You need to renew your insurance policy annually in order to enjoy its coverage.
- 2 "First Discovered" shall mean earliest possible discovery of the incident, which must be **during the policy period and not exceeding 60 days** from the date of occurrence.
- 3 Our **HELPLINE: +603-40657083** and/or our dedicated **email: customercare@dbglobal.co** are provided to you as policyholder to seek immediate assistance in order to ensure you are properly advised when you first become aware of any fact or circumstances that may reasonably lead to a claim under the policy. In any such event, you are advised to call our HELPLINE or email us within 72 hours after you become aware of any such fact or circumstances.

Gross Premium
for PCI
Policy is

RM65

Apart from the premium and the applicable Service Tax, what other fees and charges that I have to pay?

**Commission paid to the Intermediary
(if any)**

RM16.25

Stamp Duty

RM10.00

Summary of Key Terms

Forming Part of The PCI Policy

1.1 Electronic Fund Transfer Fraud

1.2 Online Retail Fraud

KEY TERMS

Financial loss applicable for Insured Event 1.1 Electronic Fund Transfer Fraud and 1.2 Online Retail Fraud is deemed to mean loss of funds from your personal online account with a financial institution or from your digital wallet with an online merchant. This includes any associated fees, penalties or interest levied by the financial institution or online merchant, and also plastic card charges that you have incurred, including any penalties or interest which have been levied by the financial institution. However, Financial Loss does not include any taxes, the loss of tax benefits, or fines and penalties imposed by law.

1.3 Identify Theft

KEY TERMS

Unauthorised and/or illegal use of your personal information by a third party without your consent for the purpose of obtaining goods, money or services. Reasonable and necessary expenses, including legal costs incurred or actual loss of income may be reimbursable with our prior written consent.

1.4 Cyber Bullying

KEY TERMS

We cover expenses for mitigating or to pursue legal action against a cyber bullying incident. Cyber bullying is simply about the bully posting malicious material online with intention to embarrass, humiliate or causing distress.

1.5 e-Commerce Purchase Protection

KEY TERMS

E-Commerce Purchase Protection under Insured Event 1.5 relates to material loss arising directly from non-delivery, accidental damage or theft of the product You purchased. Material loss under 1.5 means reasonable and necessary costs and expenses you incur, with our prior written consent to repair, replace or reinstate the product you purchased that was a subject of accidental damage or theft, including non-delivery during the delivery of the product.

Eligibility

- You should be 18 years and above.
- You are a Malaysian.

Otherwise, you are to seek the required approval before purchasing the PCI product.

Importance of Disclosure

- You must disclose all material facts that you know or ought to know when answering questionnaires in our proposal form.

Duty of Care:

A

You must make sure your computer system is used and maintained as recommended by manufacturer/supplier.

B

You must take reasonable measures when disposing and destroying your computer system to protect your digital assets.

C

You must take reasonable measures to safeguard your personal information, plastic cards and details of your accounts with financial institutions.

Note: This list is non-exhaustive. Please take some time to read the Policy Wording or consult your intermediary for more details.

Cash Before Cover

- Full premium must be paid and received by Us or Our registered intermediary before the commencement of the policy.

Consumer Insurance Contract

Pursuant to **Paragraph 5 of Schedule 9 of the Financial Services Act 2013**, if you are applying for this Insurance wholly for purposes unrelated to your trade, business or profession, you have a duty to take reasonable care not to make a misrepresentation in answering the questions in the Proposal Form (or when you apply for this insurance). You must answer the questions fully and accurately.

Failure to take reasonable care in answering the questions may result in avoidance of your contract of insurance, refusal or reduction of your claim(s), change of terms or termination of your contract of insurance.

The above duty of disclosure shall continue until the time your contract of insurance is entered into, varied or renewed with us.

In addition to answering the questions in the Proposal Form (or when you apply for this insurance), you are required to disclose any other matter that you know to be relevant to our decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied.

You also have a duty to tell us immediately if at any time after your contract of insurance has been entered into, varied or renewed with us, any of the information given in the Proposal Form (or when you applied for this insurance) is inaccurate or has changed.

This policy does not cover:

1 Abnormal Conditions/State of Emergency/Mass Cyber-Attack

Any loss based upon, arising from or as consequence of any abnormal conditions or state of emergency as declared by the local authorities or mass cyber-attack except to the extent that you shall prove that such loss happened independently of such abnormal conditions or state of emergency as declared by the local authorities or mass cyber-attack.

2 Bodily Injury

Any loss based upon, arising from or as a consequence of physical injury, sickness, disease, disability, shock, mental anguish, or mental injury, including required care, loss of services or death at any time resulting therefrom.

3 Business Activities

Any loss based upon, arising from or as a consequence of any activities carried out by you for trade, business or professional purposes, including any loss connected to an account with a financial institution that is used for trade, business or professional purposes.

4 Confidence Scams

Any loss based upon, arising from or as consequence of a confidence trick involving feigned intention towards you, such as romantic intentions, investments, contracts, loans and the like, gaining your confidence or affections, and then using that goodwill to commit fraud.

5 Currency

Any loss involving digital currency of any kind, virtual currency of any kind or cryptocurrency of any kind.

6 Dishonest Acts

Any loss based upon, arising from or as a consequence of any dishonest, criminal, malicious or fraudulent acts if you willingly participated in or directed such acts.

7 Indirect or Consequential Loss

Any direct or consequential loss of any nature, except as expressly provided for in this policy.

8 Infrastructure Failure

Any loss based upon, arising from or as consequence of any outage in or disruption of electrical power or telecommunications services operated by a third party service provider.

Note: *This list is non-exhaustive. Please take some time to read the sample policy, policy contract and/or consult your intermediary for a better understanding of the full list of exclusions applicable in this policy.*

Frequently Asked Questions:

A Can I cancel my policy?

Yes, but if cancellation is on Your request, a 75% refund of the pro-rata premium equal to the unexpired period of this policy is payable. For this, a seven (7) days prior written notice is required. If cancellation is necessary arising from the specific condition(s) mentioned in the policy, where we have initiated the cancellation by giving You at least seven (7) days prior notice in writing, we will then return promptly any premium actually paid by You.

B What do I need to do if there are changes to my contact or personal details?

It is important that you inform The Pacific Insurance Berhad of any change in your contact or personal details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.

Please call Us at 1 800-88-1629 or write to Us at: customerservice@pacificinsurance.com.my.

C How do I make a claim?

In the event of a claim, or that You become aware of any act or circumstances likely to result in a loss, you must notify The Pacific Insurance Berhad as soon as possible. It is important for you to call our Incident Responder Team's Hotline at +603-40657083 or email them at customercare@dbglocal.co within 72 hours after you are aware of the circumstances for the necessary guideline. If a claim is apparent, You are to make a police report as soon as possible, preferably within 24 hours after the discovery.

D Will I be allowed to have more than one Personal Cyber Insurance (PCI) Policy?

You can purchase one policy only in respect of this insurance.



IMPORTANT NOTE:

THIS BROCHURE IS NOT A CONTRACT OF INSURANCE. YOU ARE ADVISED TO READ THE INSURANCE POLICY FOR DETAILED TERMS AND CONDITIONS. YOU SHOULD READ AND UNDERSTAND THE INSURANCE POLICY AND DISCUSS WITH THE INSURANCE INTERMEDIARY OR CONTACT THE PACIFIC INSURANCE BERHAD DIRECTLY FOR MORE INFORMATION.

If you have any other enquiries, please contact :-

The Pacific Insurance Berhad. (198201011878)

40-01, Q Sentral, 2A, Jalan Stesen Sentral 2,
KL Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03-26338999 Fax: 03-26338998

Email: customerservice@pacificinsurance.com.my

Website: www.pacificinsurance.com.my

Toll Free line: 1800 88 1629

**THIS BROCHURE IS NOT A CONTRACT OF INSURANCE.
SPECIFIC DETAILS OF COVERAGE ARE SET OUT IN THE POLICY.**

PACIFIC INSURANCE

A member of the Fairfax Group



INSURANS SIBER PERIBADI

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah siji/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi The Pacific Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

www.pacificinsurance.com.my

Polisi Insurans Siber Peribadi direka untuk melindungi Anda bagi kerugian kewangan atau material yang timbul secara langsung daripada sebarang **ancaman atau peristiwa siber** yang tidak dijangka.

Polisi ini menyediakan perlindungan insurans untuk peristiwa yang berikut dan perlindungan adalah di seluruh dunia.

PERISTIWA YANG DIINSURANSKAN <i>(yang anda dilindungi)</i>	HAD PERLINDUNGAN <i>(RM)</i>
1.1 Penipuan Pindahan Dana Elektronik Membayar balik kepada anda untuk kerugian kewangan yang timbul secara langsung daripada peristiwa siber, yang pertama kali anda temui semasa tempoh polisi.	2,500
1.2 Penipuan Runcit Dalam Talian Membayar balik kepada anda untuk kerugian kewangan yang timbul secara langsung daripada penipuan pasaran dalam talian dan akibatnya ketidakserahan, yang pertama kali anda temui semasa tempoh polisi.	1,000
1.3 Kecurian Identiti Membayar balik anda untuk mengenalpasti perbelanjaan kecurian yang timbul secara langsung daripada kecurian identiti, yang pertama kali anda temui semasa tempoh polisi.	500
1.4 Buli Siber Membayar balik anda untuk perbelanjaan buli siber yang timbul secara langsung daripada buli siber yang pertama kali dibuat terhadap anda atas kapasiti peribadi semasa tempoh polisi.	3,000
1.5 Perlindungan Pembelian e-Dagang Membayar balik kepada anda untuk kerugian material yang timbul secara langsung daripada tidak dihantar, kerosakan tidak sengaja atau kecurian produk yang anda beli dalam talian semasa tempoh polisi.	1,000

Beberapa maklumat perlindungan asas yang Harus anda ketahui:

- 1 Tempoh perlindungan adalah **satu tahun**. Anda perlu memperbaharui polisi setiap tahun untuk menikmati perlindungannya.
- 2 “Pertama Ditemui” bermaksud penemuan terawal kemungkinan kejadian itu, mesti **dalam tempoh polisi dan tidak melebihi 60 hari** dari tarikh kejadian.
- 3 **TALIAN BANTUAN KAMI: +603-40657083** dan/atau **e-mel** khusus Kami: **customercare@dbglobal.co** disediakan untuk pemegang polisi mendapat bantuan segera bagi memastikan anda dinasihat dengan sewajarnya apabila anda mula-mula menyedari sebarang fakta atau keadaan yang boleh menyebabkan tuntutan di bawah polisi. Dalam sebarang keadaan sedemikian, anda dinasihati untuk menghubungi TALIAN BANTUAN kami atau e-mel kepada kami dalam masa 72 jam selepas anda mengetahui sebarang fakta atau keadaan sedemikian.

Premium Kasar
untuk polisi
ini ialah

RM65

Selain daripada premium dan Cukai Perkhidmatan yang berkenaan, apakah kos dan caj lain yang harus Anda bayar?

Komisen yang dibayar kepada Ejen
(jika ada)

RM16.25

Duti Setem

RM10.00

Ringkasan Terma

Yang Membentuk Sebahagian Daripada Polisi

1.1

Penipuan Pindahan Dana Elektronik

1.2

Penipuan Runcit Dalam Talian

ISTILAH UTAMA

Kerugian kewangan yang terpakai untuk peristiwa yang diinsuranskan 1.1 Penipuan Pindahan Dana Elektronik dan 1.2 Penipuan Runcit Dalam Talian bermaksud kehilangan dana daripada akaun dalam talian peribadi anda dengan institusi kewangan atau daripada dompet digital anda dengan pedagang dalam talian. Ini termasuk apa-apa yuran, penalti atau faedah berkaitan yang dikenakan oleh institusi kewangan atau pedagang dalam talian dan juga caj kad plastic yang telah anda tanggung termasuk sebarang penalti atau faedah yang telah dikenakan oleh institusi kewangan. Walau bagaimanapun, kerugian kewangan tidak termasuk sebarang cukai, kehilangan faedah cukai atau denda dan penalti yang dikenakan oleh undang-undang.

1.3

Kecurian Identiti

ISTILAH UTAMA

Penggunaan maklumat peribadi anda secara tidak dibenarkan dan/atau menyalahi undang-undang oleh pihak ketiga tanpa kebenaran anda untuk tujuan mendapatkan barangan, wang atau perkhidmatan. Perbelanjaan yang munasabah dan perlu, termasuk kos guaman yang ditanggung atau kehilangan pendapatan sebenar mungkin boleh dibayar balik dengan kebenaran bertulis kami terlebih dahulu.

1.4

Buli Siber

ISTILAH UTAMA

Perbelanjaan untuk mengurangkan atau untuk meneruskan tindakan undang-undang terhadap insiden buli siber. Buli siber adalah penyiaran bahan yang berniat jahat dalam talian dengan niat untuk memalukan, mengaibkan atau menyebabkan kesusahan.

1.5

Perlindungan Pembelian e-Dagang

ISTILAH UTAMA

Kerugian material yang timbul secara langsung daripada tidak dihantar, kerosakan tidak sengaja atau kecurian produk yang anda beli. Kehilangan material dibawah 1.5 bermakna kos dan perbelanjaan yang munasabah dan perlu anda tanggung dengan kebenaran bertulis kami terlebih dahulu untuk membaiki, menggantikan atau mengembalikan semula produk yang anda beli yang menjadi subjek kerosakan atau kecurian yang tidak disengajakan, termasuk tidak dihantar semasa penghantaran produk.

Kelayakan

- Anda hendaklah berumur 18 tahun dan ke atas.
- Anda mestilah rakyat Malaysia.

Jika tidak, anda mesti mendapatkan kelulusan sebelum membeli produk ini.

Kepentingan Pendedahan

- Anda mesti mendedahkan semua fakta material yang anda tahu atau patut tahu semasa menjawab soalan dalam borang cadangan kami.

Tugas Menjaga:

A

Anda mesti memastikan sistem komputer digunakan dan diselenggara seperti yang disyorkan oleh pengilang/pembekal.

B

Anda mesti ambil langkah yang munasabah apabila melupuskan dan memusnahkan sistem komputer anda untuk melindungi aset digital anda.

C

Anda mesti ambil langkah yang munasabah untuk melindungi maklumat peribadi anda, kad plastik dan butiran akaun anda dengan institusi kewangan.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila luangkan masa untuk membaca Jadual Polisi atau berunding dengan Ejen anda untuk mendapatkan butiran lanjut.

Tunai Sebelum Perlindungan

- Premium penuh mesti dibayar dan diterima oleh kami atau ejen berdaftar kami sebelum permulaan polisi.

Kontrak Insurans Pengguna

Menurut **Perenggan 5 Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013**, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda. Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

Polisi Ini Tidak Meliputi:

1 Keadaan Tidak Normal/Keadaan Kecemasan/Serangan Sibe Besar-besaran

Sebarang kerugian berdasarkan, timbul daripada atau akibat daripada apa-apa keadaan luar biasa atau keadaan kecemasan seperti yang diisytiharkan oleh pihak berkuasa tempatan atau serangan siber besar-besaran kecuali setakat yang anda akan membuktikan bahawa kerugian tersebut berlaku secara bebas daripada keadaan luar biasa atau keadaan kecemasan tersebut seperti yang diisytiharkan oleh pihak berkuasa tempatan atau serangan siber besar-besaran.

Serangan siber besar-besaran bermaksud serangan yang dilancarkan oleh seorang penjenayah siber atau sekumpulan penjenayah siber menggunakan satu atau lebih komputer terhadap satu atau berbilang komputer atau rangkaian.

2 Kecederaan Badan

Sebarang kerugian berdasarkan, timbul daripada atau akibat daripada kecederaan fizikal, penyakit, hilang upaya, kejutan, kesakitan mental, atau kecederaan mental, termasuk penjagaan yang diperlukan, kehilangan perkhidmatan atau kematian pada bila-bila masa akibat daripadanya.

3 Aktiviti Perniagaan

Sebarang kerugian berdasarkan, timbul daripada atau akibat daripada sebarang aktiviti yang dijalankan oleh anda untuk tujuan perdagangan, perniagaan atau profesional, termasuk sebarang kerugian yang berkaitan dengan akaun dengan institusi kewangan yang digunakan untuk tujuan perdagangan, perniagaan atau profesional.

4 Penipuan Keyakinan

Sebarang kerugian berdasarkan, timbul daripada atau akibat helah keyakinan yang melibatkan niat palsu terhadap anda, seperti niat romantis, pelaburan, kontrak, pinjaman dan seumpamanya, mendapatkan keyakinan atau kasih sayang anda, dan kemudian menggunakan niat baik itu untuk melakukan penipuan.

5 Mata Wang

Sebarang kerugian yang melibatkan mata wang digital dalam apa jua bentuk, mata wang maya dalam apa jua bentuk atau mata wang kripto dalam apa jua bentuk.

6 Perbuatan Tidak Jujur

Sebarang kerugian berdasarkan, timbul daripada atau akibat daripada sebarang tindakan tidak jujur, jenayah, berniat jahat atau penipuan jika anda dengan rela hati menyertai atau mengarahkan perbuatan tersebut.

7 Kerugian Tidak Langsung atau Berbangkit

Apa-apa kerugian langsung atau berbangkit dalam apa jua bentuk, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan secara nyata dalam polisi ini.

8 Kegagalan Infrastruktur

Sebarang kerugian berdasarkan, timbul daripada atau akibat daripada sebarang gangguan atau gangguan kuasa elektrik atau perkhidmatan telekomunikasi yang dikendalikan oleh pembekal perkhidmatan pihak ketiga.

Nota: Sila luangkan masa untuk membaca contoh jadual polisi, kontrak polisi dan/atau berunding dengan Ejen anda untuk pemahaman yang lebih baik tentang senarai penuh pengecualian yang terpakai dalam polisi ini.

Soalan-Soalan Yang Kerap Ditanya:

A Bolehkah anda membatalkan polisi anda?

Ya, tetapi jika pembatalan adalah atas permintaan Anda, bayaran balik 75% premium pro-rata bersamaan dengan tempoh belum tamat polisi ini perlu dibayar. Untuk ini, notis awal bertulis tujuh (7) hari diperlukan.

Jika pembatalan adalah berpunca daripada syarat khusus yang dinyatakan dalam polisi, di mana kami telah memulakan pembatalan dengan memberikan notis awal bertulis tujuh (7) hari kepada Anda, maka kami akan membayar balik premium yang telah Anda bayar dengan serta merta.

B Apa yang perlu anda buat jika ada perubahan dalam alamat atau butiran peribadi anda?

Adalah penting bahawa anda memberitahu The Pacific Insurance Berhad sebarang perubahan untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Sila hubungi kami di 1800-88-1629 dan/atau tulis kepada kami di e-mel: customerservice@pacificinsurance.com.my.

C Bagaimana anda membuat tuntutan?

Sekiranya berlaku tuntutan, atau Anda mengetahui sebarang tindakan atau keadaan yang mungkin mengakibatkan kerugian, anda mesti memaklumkan The Pacific Insurance Berhad secepat mungkin. Adalah penting untuk anda menghubungi TALIAN BANTUAN kami: +603-40657083 (Pembalas Insiden Anda) dan/atau e-mel kepada Kami di customercare@dbglobal.co dalam masa 72 jam selepas anda mengetahui keadaannya, supaya panduan yang diperlukan dapat diberikan kepada anda tepat pada masanya. Jika tuntutan jelas, Anda hendaklah membuat laporan polis secepat mungkin, sebaik-baiknya dalam masa 24 jam selepas penemuan itu.

D Adakah saya dibenarkan untuk memiliki lebih daripada satu Polisi Insurans Siber Peribadi?

Anda hanya boleh membeli satu polisi sahaja bagi insurans ini.



NOTA PENTING:

RISALAH INI BUKAN KONTRAK INSURANS. ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMBACA POLISI INSURANS UNTUK TERMA DAN SYARAT TERPERINCI. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN INSURANS ATAU MENGHUBUNGI TERUS PACIFIC INSURANCE BERHAD UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan lain, sila hubungi: -

The Pacific Insurance Berhad. (198201011878)

40-01, Q Sentral, 2A, Jalan Stesen Sentral 2,
KL Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03-26338999

Fax: 03-26338998

Email: customerservice@pacificinsurance.com.my

Website: www.pacificinsurance.com.my

Toll Free line: 1800 88 1629

**BROSUR INI BUKAN KONTRAK INSURANS.
BUTIRAN KHUSUS PERLINDUNGAN DINYATAKAN DALAM POLISI.**